

15/06/2002

Dr Mahathir persoal DAP isu negara Islam

Kadir Dikoh

SUBANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bertanyakan DAP sama ada parti itu menghadapi masalah atau kesengsaraan hidup di negara ini berikutan tindakan kerajaan mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

"Bagaimanakah DAP sengsara kerana negara ini diisytiharkan negara Islam, beritahu saya. Tunjukkan bahawa mereka sengsara kerana ini negara Islam, sama ada kita berlaku tidak adil kepada mereka atau apa saja," katanya selepas pulang daripada lawatan seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kempen DAP untuk menolak pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam hingga membawa kepada penahanan Pengerusinya, Lim Kit Siang, kerana didakwa mengedarkan risalah berunsur hasutan di pasar Pasir Pinji, Ipoh pada 5 Jun.

Lim, yang kemudian dibebaskan dengan ikat jamin, dilaporkan berkata kempen DAP itu bertujuan membangkitkan kesedaran umum mengenai implikasi kenyataan Dr Mahathir pada 29 September lalu bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam.

Perdana Menteri menegaskan, langkah mengisytiharkan negara Islam itu tidak boleh ditarik balik seperti dituntut oleh DAP dalam kempenya, kerana ia adalah perkara yang benar.

Malah katanya, ada negara lain yang lebih teruk tetapi Malaysia mengambil pendekatan liberal kepada orang Islam dan bukan Islam.

Beliau menyifatkan cubaan DAP untuk menolak Malaysia sebagai negara Islam itu menunjukkan parti pembangkang berkenaan ketandusan idea.

"DAP hanya mahu jadikan ini sebagai isu. Mereka nak menentang Pas, itu adalah urusan mereka tetapi negara ini diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai negara Islam dan kita juga mengisytiharkan ia sebagai negara Islam.

"Negara Islam adalah sebuah negara yang mana bukan Islam boleh hidup aman damai, boleh mendapat layanan adil dan saksama, tidak ada masalah. Tetapi mereka mahu menjadikan perkara itu masalah.

"Ada banyak negara yang mengisytiharkan sebagai negara Kristian, tetapi rakyat boleh hidup, tak kisah," katanya.

Beliau berkata, DAP tidak lagi mendapat sokongan menyebabkan parti itu memainkan isu berkenaan. "Itu saja yang mereka boleh fikirkan. Apa dia tujuan parti. Sebenarnya, tidak ada sebab untuk DAP terus wujud, tutup sajalah," katanya.

Dr Mahathir berkata, Lim sendiri kerap kali mengumumkan hasrat untuk bersara tetapi terus juga berada dalam politik dan DAP.

"DAP sanggup berbuat apa saja untuk mendapat sokongan. Walaupun untuk satu undi, DAP sanggup bersekongkol dengan pelbagai jenis orang. Apa yang penting bagi mereka, walaupun untuk satu undi, mereka sanggup tidur dengan sesiapa pun," katanya.

(END)